

# Kedai Jujur SPRM SMKRR Mendapat Sambutan Mengalakkan



Labuan, 4 Mac – Tarikh 14 JANUARI 2022 adalah merupakan pembukaan rasmi kedai Jujur SMK RANCHA-RANCHA W.P Labuan . Kedai jujur ini adalah program kerjasama Antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kedai jujur SPRM adalah merupakan kedai/kiosk/sudut yang beroperasi pada waktu persekolahan dan menjual barangan bersifat **“fast moving item”** dan ianya bukanlah berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada memupuk nilai – nilai jujur dan amanah dalam diri seseorang individu atau boleh dikenali juga perniagaan **“experiential base leaning”**.

Nilai ini lah yang cuba dipupuk oleh SPRM dan KPM ibarat pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya” Di dalam konteks ini murid-murid ibarat rebung yang perlu dibentuk mengikut acuan yang betul, agar murid-murid ini membesar dalam budaya beretika, menjadi individu yang berkeperibadian mulia. Oleh itu, pelaksanaan kedai jujur SPRM menepati usaha-usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan SPRM dalam mendidik warga sekolah untuk memahami dan mengamalkan nilai murni dan amalan terpuji seperti amanah, jujur dan tidak mengambil hak org lain.

Kedai jujur SMKRR telah diseliasa oleh dua orang guru iaitu cikgu Jasmini Binti Daud dan Cikgu Rosyidi Bin Bakri. Kedai ini beroperasi setiap hari di waktu persekolahan. Kedai Jujur SMKRR juga dijaga dan di urus oleh 3 orang murid sebagai pengurus kedai dan penolong pengurus kedai. Mereka bertugas menyusun atur jualan harian dan mencatat hasil jualan setiap hari. Semua warga SMKRR adalah dialu-alukan membeli di kedai jujur, di mana ianya sangat mesra pengguna. Pengguna atau warga SMKRR boleh membeli sendiri tanpa menunggu penjual. Pembeli boleh membayar barangan yang diambil hanya dengan meletakkan duit di tabung duit yang telah disediakan.

Pengetua SMKRR Wan Azman bin Wan Awang berkata, projek kedai jujur ini merupakan satu program yang sangat baik dan SMK Ranche-Ranche bertuah kerana menjadi pilihan SPRM dan KPM untuk menjalankan program ini. Selain dari memudahkan aktiviti jual beli ianya sangat baik dalam memupuk sifat jujur dan amanah pelajar-pelajar sekolah ini. Kedai Jujur SPRM ini juga di galakkan mengamalkan dan menghayati elemen kebersihan, kesihatan dan keselamatan  
(3K)



Pengetua juga mengucapkan terimakasih kepada pengurus kedai Jujur cikgu Jasmini dan cikgu Rosyidi atas pelaksanaan Kedai jujur dengan baik dan teratur. Di harap kedai jujur SMKRR akan terus bertahan sampai bila-bila dan dapat mendidik hati pelajar SMKRR bersikap jujur dan amanah yang merupakan pendidikan di luar bilik darjah yang sangat baik dijadikan sebagai amalan di sekolah.

Selain itu kedai jujur ini juga mengamalkan prinsip 3K , Penjarakan sosial juga ditekankan kerana membeli di kedai jujur tidak perlu bersesak, pelajar boleh datang membeli secara bergilir pada bila-bila masa di hari persekolahan. Hanya di tutup setelah sesi persekolahan tamat setiap hari. Persekitaran sekolah yang mengamalkan prinsip 3K dapat melahirkan murid yang seimbang dari aspek Jasmani , Emosi , rohani dan intelek yang di tuntutan dalam prinsip pendidikan seumur hidup.

Menurut En Rosyidi Bte Bakri, setakat ini kedai jujur SMKRR sangat mendapat sambutan hangat. Setiap item yang dijual sememangnya cepat habis kerana barangan yang di jual adalah merupakan barangan "first moving" sehingga Feb 2020, modal terpakai hanyalah rm300, menrujuk kepada laporan jualan harian kedai jujur telah balik modal dan



telah dapat menjana sedikit keuntungan.

Sambutan hangat dari warga sekolah terhadap kedai jujur sememangnya menjadi pemakin kepada kelangsungan kedai jujur. Kedai Jujur SMKRR akan terus beroperasi sepanjang persekolahan dengan menjual barangan seperti air mineral, alat tulis dan sedikit makanan ringan.

Di harap kedai JUJUR ini akan terus beroperasi dan terus menjadi pilihan pelajar untuk mendapatkan barangan yang diperlukan dan pihak penyelaras bercadang untuk memuka satu lagi cawangan kedai jujur yang akan di buka di aras 2 bangunan Sekolah, ini akan lebih menarik perhatian warga SMKRR menyokong dan memanfaatkan kedai jujur. Semoga kedai Jujur SMKRR akan terus bertahan dan menjadi sumber pendidikan luar kelas yang sangat bermanfaat kepada warga SMKRR.



